

AWAS

Jangan Terjerat Penipuan KELDAI AKAUN

JIKA tidak berhati-hati, anda mungkin akan menjadi mangsa penipuan sindiket **keldai akaun** tanpa disedari. Justeru itu, langkah-langkah berikut boleh diambil agar tidak terjerat daripada menjadi mangsa **keldai akaun!**



➤ **Jangan terima** tawaran kerja yang menjanjikan pendapatan segera yang lumayan yang syaratnya melibatkan penyerahan kad ATM atau log masuk dan kata laluan kepada akaun bank peribadi anda.



➤ **Jangan kongsi** sebarang maklumat peribadi perbankan anda dan memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk mengakses akaun bank anda.



➤ **Jangan bantu** orang lain membuat penerimaan atau pemindahan wang dari akaun bank lain ke akaun bank anda.



➤ **Jangan mudah** tertipu dengan habuan lumayan yang dijanjikan sindiket penipuan.



➤ **Tindakan undang-undang** akan diambil jika anda disabit kesalahan penipuan keldai akaun.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman web kami www.abm.org.my/safeonlinebanking, hanya bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang cara-cara untuk melindungi diri mereka daripada terjerat dalam penipuan perbankan.

Anda juga boleh menghubungi kami di **ABMConnect 1300-88-9980**.
Jadilah pengguna perbankan yang bijak dan elakkan daripada menjadi mangsa penipuan perbankan.



Maklumat ini dibawa khas kepada anda oleh

PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA